

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 JANUARI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14

Lebih RM146j sudah diagih

Bantuan Wang Ihsan

Lebih RM146j sudah diagih

108,085 ketua isi rumah terjejas bah terima bantuan, peruntukan meningkat hingga 200 peratus

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lebih RM146 juta peruntukan banjir sudah diagihkan setakat ini oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dalam bentuk Bantuan Wang Ihsan (BWI) kepada 108,085 ketua isi rumah (KIR) yang terjejas bencana itu.

Timbalan Ketua Pengarah NADMA, Datuk Khairul Shahril Idrus, berkata kelulusan kepada 108,085 permohonan BWI atau mewakili 78 peratus daripada keseluruhan 138,331 KIR yang layak

memohon, sama ada berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) atau tidak, sudah menerima bayaran BWI masing-masing.

Beliau berkata, peruntukan itu menyaksikan peningkatan sehingga 200 peratus dalam pemberian bantuan kepada mangsa banjir berbanding tahun sebelumnya.

Mengulas lanjut katanya, awal sehari, mangsa banjir yang berada pusat pemindahan sementara (PPS) sudah boleh menerima BWI berbanding tiga bulan tempoh masa bagi permohonan pada tahun sebelumnya.

"Pada 2016 peruntukan bantuan banjir adalah RM11 juta sebelum meningkat kepada RM15 juta pada 2017; 2018 (RM25 juta); 2019 (RM69 juta) dan RM53 juta pada (2020).

"Bagi banjir kali ini, buat kali pertama mangsa di luar PPS boleh memohon BWI di mana sebelum ini hanya yang berpindah di PPS boleh berbuat demikian.

"Peningkatan peruntukan kali ini juga disebabkan keprihatinan

kerajaan menambah BWI daripada RM500 kepada RM1,000 bagi setiap KIR.

"Bagi mangsa yang berada di PPS, mereka akan terima sebelum keluar dari pusat pemindahan," katanya kepada BH, semalam.

Pada masa sama, Khairul Shahril berkata, secara keseluruhan, 138,331 KIR layak membuat permohonan.

Beliau berkata, bagi KIR yang tidak berdaftar di PPS, ada 101,218 permohonan dengan 71,820 atau 71 peratus daripadanya sudah menerima BWI.

"Peratusan yang sudah menerima pembayaran adalah tinggi di mana hanya kira-kira 29 peratus belum menerima pembayaran bagi di luar PPS.

"Namun bagi KIR yang dipindahkan ke PPS, mereka tidak mempunyai masalah menerima BWI di mana daripada 37,113 permohonan, 36,265 daripadanya atau 97.7 peratus sudah menerima.

"Baki kira-kira 800 lagi yang belum menerima itu, kadangkala

mereka terlepas ketika bantuan diberikan secara terus ketika berada di PPS.

"Bagi jumlah yang belum menerima di luar PPS itu, ia masih dalam melalui proses verifikasi kerana ada kalanya pegawai pada peringkat daerah kena turun ke padang untuk pengesahan, terutama bagi KIR yang tidak terjejas secara langsung," katanya.

Mengenai permohonan yang dicurigai, Khairul Shahril berkata, sehingga kini belum adanya penolakan membabitkan KIR terdiri daripada warga tempatan dengan proses verifikasi masih dilakukan Jawatankuasa Bencana Peringkat Daerah (JBPD).

Beliau berkata, semua proses verifikasi dan pemutihan dilakukan pada peringkat daerah oleh JBPD yang lebih mengenali sesuatu lokaliti dan bukan NADMA.

"Dalam aspek pembaikan dan pembinaan perumahan mangsa banjir pula, ia menjadi tanggungjawab Kementerian Per-

Peningkatan peruntukan kali ini juga disebabkan keprihatinan kerajaan menambah BWI daripada RM500 kepada RM1,000 bagi setiap KIR

Khairul Shahril Idrus, Timbalan Ketua Pengarah NADMA



mahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) serta Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) di bawah peruntukan mereka," katanya.

Khairul Shahril menegaskan, dalam isu banjir, NADMA bukannya 'responder pertama' seperti yang dianggap beberapa pihak kerana agensi itu bertindak dalam aspek dasar dan penyelesaian.

Beliau berkata, wujud salah tafsiran yang menganggap NADMA terbabit dalam isu misi menyelamat.